



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
 BAHAGIAN SARAAN
 ARAS 5 & 6, BLOK A, BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE
 NO. 3200, JALAN TEKNOKRAT 2
 63000 CYBERJAYA, SEPANG
 SELANGOR DARUL EHSAN
 Tel. : 03-83164000
 Faks. : 03-83201984/03-83201981
 03-83201980/03-83201979/03-83201985
 Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA (S) 63/51/2 Klt. 3 (2)

Tarikh : 15 Mac 2013

YBhg. Dato' Dr. Rosli bin Mohamed
 Ketua Setiausaha
 Kementerian Pelajaran Malaysia
 Aras 8, Blok E8, Kompleks E
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62604 PUTRAJAYA

Rosli Dato'

GARIS PANDUAN ELAUN BULANAN BAGI GURU SANDARAN/ GURU INTERIM DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Saya dengan hormatnya menjemput perhatian YBhg. Dato' berkaitan dengan perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' sedia maklum, Guru Sandaran/ Guru Interim adalah merupakan pegawai yang diambil bertugas oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang dibayar Elaun Bulanan bersandarkan kepada kod gaji mengikut kelayakan akademik. Jadual Elaun Bulanan yang berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2012 adalah seperti Jadual di bawah:

Kod Gaji	Kelayakan Masuk	Peringkat (P)	Amaun Minimum (RM)	Amaun Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Elaun
DC41	Ijazah Sarjana Muda	P1	1,806.24	2,885.08	225
		P2	1,878.57	3,031.26	
		P3	1,954.04	3,183.84	
DBA29	Kursus Perguruan Lepasn Diploma (Diploma Profesional)	P1	1,730.31	2,242.79	145
		P2	1,807.22	2,336.76	
		P3	1,887.55	2,434.21	
DB29	Kursus Perguruan Lepasn Diploma (Diploma Biasa)	P1	1,656.82	2,169.29	145
		P2	1,733.73	2,263.26	
		P3	1,814.06	2,360.72	

Kod Gaji	Kelayakan Masuk	Peringkat (P)	Amaun Minimum (RM)	Amaun Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Elaun
DB27	Diploma Perguruan Malaysia (Kursus Diploma Perguruan Malaysia/ STPM)	P1	1,361.14	1,957.35	145
		P2	1,439.77	2,056.52	
		P3	1,521.80	2,159.03	
DB17	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	P1	927.03	1,360.42	95
		P2	985.15	1,428.84	
		P3	1,044.97	1,498.90	

3. Sungguhpun jadual Elaun Bulanan dibentuk menyamai struktur gaji yang mempunyai Peringkat gaji (P) P1, P2 dan P3 tetapi tafsiran bahawa Guru Sandaran/ Guru Interim dibayar gaji adalah tidak tepat. Pemberian Elaun Bulanan yang bersandarkan kepada kod gaji DC41, DBA29, DB29, DB27 dan DB17 pada prinsipnya hanya mengguna pakai amaun elaun di P1 sahaja kerana Guru Sandaran/ Guru Interim bukanlah merupakan pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik berdasarkan mana-mana skim perkhidmatan yang berkuat kuasa¹. Oleh yang demikian, peringkat elaun P2 dan P3 adalah tidak terpakai kepada Guru Sandaran/ Guru Interim kerana Peringkat gaji P2 dan P3 adalah untuk pegawai lantikan tetap yang diperuntukkan pergerakan gaji secara Anjakan Gaji.

4. Berdasarkan kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet Tahun 1976, Guru Sandaran/ Guru Interim sewajarnya diberi tiga (3) pergerakan Elaun Bulanan sahaja. Namun, berdasarkan kepada amalan pelaksanaan sedia ada didapati Guru Sandaran/ Guru Interim telah diberikan pergerakan sehingga ke amaun maksimum di P1. Bagi tidak menjejaskan pelaksanaan sedia ada, pergerakan Elaun Bulanan sehingga amaun maksimum di P1 boleh diteruskan sehingga kajian lanjut dibuat.

5. Selaras dengan perkara di atas dan bagi memudahkan urus tadbir Elaun Bulanan ini supaya boleh dilihat bersekali dalam urus tadbir elaun-elaun lain, maka surat pelaksanaan ini dikeluarkan bagi mengasingkan jadual elaun ini daripada kelompok jadual gaji skim-skim perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam selaras dengan pembatalan jadual gaji dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012. Oleh yang demikian pada masa ini, struktur Elaun Bulanan yang sedia ada dipinda agar bersesuaian dengan pemakaian Elaun Bulanan terhad kepada P1 sahaja sehingga dapat dibawa untuk perhatian dan pertimbangan Kerajaan.

6. Bagi mengekal dan meningkatkan prestasi Guru Sandaran/ Guru Interim dalam penyampaian Perkhidmatan Awam selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-13 (MAPPA XIII)

¹ Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012

yang bersetuju untuk menambah baik struktur Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) dengan ditambah Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) sebanyak tiga (3) KGT di gaji maksimum, maka Elaun Bulanan bagi Guru Sandaran/ Guru Interim yang bersandarkan kepada kod gaji yang berkaitan turut ditambah baik dengan mengambil kira pelaksanaan terdahulu di mana setiap perubahan jadual gaji bagi pegawai Perkhidmatan Awam turut diberikan kepada Guru Sandaran/ Guru Interim. Oleh yang demikian jadual **Elaun Bulanan Guru Sandaran/ Guru Interim yang baru** adalah seperti berikut:

Kod Gaji Komputer SSM	Elaun Bulanan	Peringkat (P)	Amaun Minimum (RM)	Amaun Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Elaun
SSM304DC41000	DC41	P1	1,806.24	3,560.08	225
SSM304DBA29000	DBA29	P1	1,730.31	2,677.79	145
SSM304DB29000	DB29	P1	1,656.82	2,604.29	145
SSM304DB27000	DB27	P1	1,361.14	2,392.35	145
SSM304DB17000	DB17	P1	927.03	1,645.42	95

7. Selain daripada Elaun Bulanan yang layak diterima oleh Guru Sandaran/ Guru Interim, berikut adalah senarai elaun dan kemudahan yang dilayaki² oleh pegawai tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA);
- (b) Bayaran Insentif Wilayah (BIW) / Bantuan Sara Hidup (COLA);
- (c) Elaun Perumahan Wilayah (EPW);
- (d) Bayaran Insentif Pedalaman/ Elaun Khas Mengikut Lokasi Dan Tahap Kesusahan;
- (e) Elaun Balik Kampung;
- (f) Elaun Bertugas Rasmi Di Luar Ibu Pejabat;
- (g) Cuti Sakit;
- (h) Cuti Penggal Sekolah; dan
- (i) Rawatan Perubatan.

² Senarai elaun dan kemudahan yang telah diluluskan melalui surat JPA.SULIT 63/51/2(43) berkuat kuasa mulai 1 April 1984 dikemaskini mengikut peraturan yang berkuat kuasa di mana Elaun Penempatan Khas dan Elaun Hidup Sementara bagi mereka yang bertugas dan tinggal di Bintulu, Sarawak telah dibatalkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987.

8. Pelaksanaan jadual Elaun Bulanan Guru Sandaran/ Guru Interim yang baru ini tidak melibatkan apa-apa perubahan amaun Elaun Bulanan kepada Guru Sandaran/ Guru Interim dan pembayaran Elaun Bulanan adalah terhad kepada amaun maksimum tertakluk kepada dasar dan peraturan semasa yang ditetapkan. Contoh kaedah pemindahan elaun adalah seperti di **Lampiran A**.
9. Bagi melihat hala tuju Guru Sandaran/ Guru Interim secara menyeluruh, perkara ini akan diperincikan dengan pihak-pihak berkepentingan kelak.
10. Surat pelaksanaan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2013**.
11. Surat pelaksanaan ini turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri dan Badan Berkanun tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK RAJA NOOR ZAEDAH BINTI RAJA AHMAD)
Pengarah Bahagian Saraan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

☎ 03 - 8316 4001
✉ zaedah@jpa.gov.my

s.k.:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam Dan Khidmat Pengurusan
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: YBhg. Dato' Noorrizan binti Shafie)

Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Aras 1-8, Persiaran Perdana Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Ketua Audit Negara
Pejabat Ketua Audit Negara
Aras 1-5, Lot 2G4
Presint 2 (Boulevard)
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 PUTRAJAYA

Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia
Aras 1-4, Blok B3, Kompleks JPM
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 PUTRAJAYA

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua Pengarah
Majlis Amanah Rakyat
Bahagian Sumber Manusia
Tingkat 17 & 18
Ibu Pejabat MARA
Jalan Raja Laut
50609 KUALA LUMPUR
(u.p.: Encik Abdul Halim bin Abas)

**CONTOH: KAEDAH PEMINDAHAN ELAUN BAGI GURU SANDARAN/
GURU INTERIM BERDASARKAN ELAUN BULANAN DC41**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2013
Tarikh Pergerakan Elaun : 1 Julai
Jadual Elaun Bulanan : P1 RM1,806.24 - RM3,560.08
Kenaikan Elaun Tahunan : RM225

Tarikh	Elaun Bulanan DC41 Sekarang (RM)	Elaun Bulanan DC41 Baru (RM)	Catatan
1.1.2012	2,251.24 (P1)	-	Elaun pegawai setelah diberi kenaikan elaun 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.7.2012	2,476.24 (P1) [diberi 1 KET DC41 iaitu RM225]	-	TPE DC41. Pergerakan Elaun mengikut keputusan PPSM.
31.12.2012	2,476.24 (P1)	-	Elaun Bulanan pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa jadual Elaun Bulanan baru.
1.1.2013	2,476.24 (P1)	2,476.24 (P1)	Tarikh kuat kuasa jadual Elaun Bulanan baru. Pemindahan elaun pegawai ke elaun baru pada amaun yang sama.
1.7.2013	-	2,701.24 (P1) [diberi 1 KET DC41 iaitu RM225]	TPE DC41. Pergerakan Elaun mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
KET : Kenaikan Elaun Tahunan
TPE : Tarikh Pergerakan Elaun